

D570

U B 8 3 3 A A B
MAHATHIR - EKONOMI
(I)

KUALA LUMPUR, 7 OGOS (BERNAMA) -- DASAR EKONOMI SELEPAS TAHUN
-1990 AKAN TERUS MEHASTIKAN SEKTOR SWASTA MEMAINKAN PERANAN UTAMA
DALAM PEMBANGUNAN NEGARA SEMENTARA PERANAN KERAJAAN AKAN
DIKURANGKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KETIKA MERASMIKAN SATU KONVENSYEN EKONOMI DI SINI, PERDANA
HENTERI BERKATA INI BERMAKNA KERAJAAN AKAN TERUS MENGGUNAKAN KAEDAH
YANG LIBERAL DALAM MELAKSANAKAN DASAR-DASAR PEMBANGUNANNYA TERUTAMA
BERKAITAN PEMILIKAN EKUITI.

BELIAU PERCAYA KAEDAH ITU AKAN MEMBOLEHKAN EKONOMI MENGGERAKKAN
PERTUMBUHAN DARIPADA SEGI PELUANG PEKERJAAN DAN PENDAPATAN YANG
MERUPAKAN CIRI-CIRI PENTING DALAM MENCAPAI OBJEKTIF UNTUK
MENGURANGKAN KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA HASYARAKAT.

EKONOMI PERLU DIPERKEMBANGKAN BAGI MEMBOLEHKAN KEKAYAAN NEGARA
DIAGIH-AGIHKAN DENGAN LEBIH BANYAK, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN
MASIH PERLU CAMPUR TANGAN UNTUK MENYUSUN SEMULA KETIDAK-SEIMBANGAN
MASYARAKAT DALAM EKONOMI.

BELIAU BERKATA TIDAKLAH WAJAR UNTUK BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA
JENTERA PASARAN SEBAGAI JALAN TUNGGAL MENGHADAPI MASALAH-MASALAH
ITU, DAN KERAJAAN AKAN CAMPUR TANGAN APABILA PERLU UNTUK MEMBANTU
GOLONGAN MASYARAKAT YANG KURANG BERNASIB BAIK. -- LAGI.

1450MST 07 08 89

D574

U B 8 3 6 A A B
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MASA DEPAN PERPADUAN NEGARA DAN
KEHARMONIAN KAUM DI NEGARA INI MASIH BERGANTUNG KEPADA PERANAN
KERAJAAN DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH +MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB+.
+KONSEP PERLINDUNGAN YANG SECUKUPNYA BAGI GOLONGAN YANG LEMAH
TANPA MERAMPAS HABUAN DARIPADA MEREKA YANG SANGGUP MENGAMBIL RISIKO,
PERLU DIPERTAHANKAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA TIDAK SYAK LAGI DEKAD 1990 AKAN MENCIPTA SATU ERA
BARU BAGI EKONOMI MALAYSIA YANG PASTI MENJANJIKAN PELBAGAL PELUANG
DAN CABARAN.

IA AKAN MENANDAKAN SATU BABAK PENTING DALAM SEJARAH MALAYSIA
KERANA NEGARA INI AKAN MENYEMPURNAKAN PELAN PERSPEKTIF 20 TAHUNNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI
NEGARA DITUBUHKAN SEMATA-MATA KERANA ALASAN ITU IAITU MEWUJUDKAN
SATU JALAN BAGI RAKYAT MALAYSIA MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA
DAN UNTUK MERANGKA SATU DASAR SELEPAS 1990 MELALUI PERUNDINGAN,
SEMINAR DAN DIALOG.

+KERAJAAN SEMEMANGNYA TIDAK DAPAT MENGGABUNGAN KESEMUA IDEA ITU
TETAPI IA BOLEH MENGAMBIL KIRA PERKARA YANG PERLU DAN TIDAK PERLU
DILAKUKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN
MALAYSIA KELIMA BERPENDAPAT BAHAWA EKONOMI AKAN TERUS MENINGKAT PADA
TAHUN 1989-90 SELEPAS NEGARA MENIKMATI PERTUMBUHAN HAMPIR 9 PERATUS
PADA TAHUN LALU. -- LAGI.

1459MST 07 08 89

0587

u 8844 AAB

MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

TREND EKONOMI ITU DIRAMAL AKAN KEKAL SEKURANG-KURANGNYA HINGGA AWAL TAHUN 1990-AN, DAN KERANA ITU KEYAKINAN NEGARA TERHADAP DEKAD ITU DIDASARKAN KEPADA PENCAPAIAN MASA KINI, KATANYA.

MENYENTUH PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU (DEB), PERDANA MENTERI MEMBIDAS GOLONGAN YANG SUKA MENGKRITIK DEB DENGAN MENGATAKAN DASAR ITU GAGAL MENCAPI MATLAMATNYA SERTA MENUDUH IA BERTANGGUNGJAWAB MENCETUSKAN PELBAGAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA SEJAK KEBELAKANGAN INI.

+GOLONGAN ITU SENGAJA TIDAK MENGENDAHKAN KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH DEB DALAM MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA KETIDAK-SEIMBANGAN ANTARA PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI,+ KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA DALAM TEMPOH MASA YANG KURANG DARIPADA 20 TAHUN DEB TELAH BERJAYA MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN DARIPADA HAMPPIR 50 PERATUS PADA TAHUN 1970 KEPADA KURANG 20 PERATUS PADA TAHUN 1988.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA BANYAK LAGI USAHA PERLU DILAKUKAN UNTUK +MEMEBEBASKAN+ BAKI 650,000 RAKYAT NEGARA INI DARIPADA BELENGGU KEMISKINAN.

-- LAGI.

1529MST 07 08 89

D605

U 8856 A A B

MAHATHIR - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MENJADL KESILAPAN BESAR UNTUK TIDAK MEMPEDULIKAN KEADAAN EKONOMI ANTARA KAUM YANG TIDAK SEIMBANG ATAU TIDAK MELAKUKAN SESUATU UNTUK MEMPERBETULKANNYA.

+MEMANDANGKAN NEGARA SEKARANG STABIL, MUDAHLAH UNTUK MENGATAKAN BAHAWA KESTABILAN ITU TIDAK ADA KAITAN DENGAN DEB. CADANGAN SUPAYA DEB DIMANSUHKAN SAMA SEKALI BERPUNCA DARIPADA PEMIKIRAN YANG CETEK,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA HARAPAN KAUM BUMIPUTERA DI BAWAH DEB BELUM LAGI TERCAPI KERANA MEREKA SETAKAT INI HANYA MENCAPI 66 PERATUS DARIPADA MATLAMAT 30 PERATUS PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA INI.

MEREKA MUNGKIN BOLEH DIPERSALAHKAN TETAPI BEBERAPA FAKTOR YANG DI LUAR PENGAWALAN MEREKA JUGA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KEGAGALAN ITU, KATANYA.

BELIAU BERKATA MEMANG BENAR TERDAPAT GOLONGAN BUMIPUTERA YANG AKTIF DALAM DEB TETAPI JUMLAH MEREKA KECIL. -- LAGI.

1600MST 07 08 89

D607

U B857 A A B
MAHATHIR - EKONOMI 5 KUALA LUMPUR

PERDANA NENTERI MENYALAHKAN MEREKA YANG MENGGUNAKAN DEB ITU SEMATA-MATA SEBAGAI SATU KEMUDAHAN DAN BUKAN SEBAGAI SATU DASAR DAN INI MERUPAKAN ANTARA SEBAB KEGAGALAN DEB MENCAPAI MATLAMATNYA YANG SEBENAR.

+NEREKA MENGANGGAP DEB BUKAN SEBAGAI SATU ALAT UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH SOSIAL DAN YANG BERKAITAN DENGAN EKONOMI TETAPI SEBAGAI SATU CARA UNTUK CEPAT MENJADI KAYA.

+SETENGAH GOLONGAN BUMIPUTERA MENGGUNAKAN DEB SEMATA-MATA UNTUK MENDAPAT LESEN DAN KONTRAK DARIPADA KERAJAAN. LESEN DAN KONTRAK ITU KEMUDIAN DIJUAL KEPADA GOLONGAN BUKAN BUMIPUTERA, + KATANYA.

BELIAU BERKATA KEGAGALAN GOLONGAN BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN TERUTAMA DALAM MELAKSANA DAN MENGURUSKAN PROJEK-PROJEK TERTENTU TELAH MENYEBABKAN KERAJAAN MENGALAMI KERUGIAN BERJUTA-JUTA RINGGIT.

BELIAU BERKATA SELEPAS HAMPPIR 20 TAHUN DEB DILAKSANAKAN, MEREKA BUKAN SAHAJA TIDAK MEMPUNYAI KEWIBAWAAN TETAPI TIDAK DAPAT DITERIMA WALAUPUN DI KALANGAN GOLONGAN BUMIPUTERA YANG LAIN.

BELIAU NENGGESA GOLONGAN BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBANTU MENYELESAIKAN MASALAH KEADAAN TIDAK SEIMBANG ITU DALAM USAHA MEMBANTU BUMIPUTERA MENJADI AHLI PERNIAGAAN YANG BERJAYA.

KONVENSYEN TIGA HARI ITU YANG BERTEMAKAN +EKONOMI MALAYSIA SELEPAS 1990+ DIANJURKAN OLEH PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA. -- BERNAMA.
1605MST 07 08 89